

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1994/95

April 1995

AOP302 - UNDANG-UNDANG PERHUBUNGAN PERUSAHAAN
DAN PEKERJA

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TUJUH muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. Soalan-soalan daripada Bahagian A adalah WAJIB. Anda juga dikehendaki menjawab TIGA soalan daripada Bahagian B. Jawapan bagi Bahagian A hendaklah ditandakan dalam borang OMR dengan pensil 2B dan dihantar berasingan daripada buku jawapan. PASTIKAN ANDA MENULIS ANGKA GILIRAN.

BAHAGIAN A (WAJIB)

Soalan 1

1. Akta Perundangan utama mengenai hal ehwal pekerjaan ialah:
 - (a) Akta Pekerjaan 1955.
 - (b) Akta Kesatuan Sekerja 1959.
 - (c) Akta Perhubungan Perusahaan 1967.
 - (d) Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951.
 - (e) Akta Pertubuhan Keselamatan Pekerja 1959.

2. Akta ini (jawapan Soalan 1) sering disifatkan sebagai menumpukan kepada peruntukan:
 - (a) minimum.
 - (b) sederhana.
 - (c) maksimum.
 - (d) universal.
 - (e) kesemua jawapan di atas.

...2/-

- 2 -

3. Takrif "gaji" bermaksud upah yang diberikan kepada pekerja bersabit dengan kerja yang dilakukan. Semua keterangan di bawah tidak dianggap gaji KECUALI:
- (a) kadar tetap seperti tersebut dalam tawaran kerja.
 - (b) komisen.
 - (c) elaun lebih masa.
 - (d) elaun sara hidup.
 - (e) elaun perjalanan.
4. Pegawai kerajaan yang diamanahkan untuk menguatkuasa Akta Pekerjaan 1955 ialah:
- (a) Ketua Pengarah Sumber Manusia.
 - (b) Ketua Pengarah Perhubungan Industri.
 - (c) Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja.
 - (d) Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia.
 - (e) Presiden Mahkamah Perusahaan.
5. Formula yang digunakan untuk menghitung kadar gaji biasa (ordinary rate of pay) ialah:
- (a) $\frac{\text{Kadar gaji bulanan}}{3}$
 - (b) $\frac{\text{Kadar gaji bulanan}}{28}$
 - (c) $\frac{\text{Kadar gaji bulanan}}{26}$
 - (d) $\frac{\text{Kadar gaji bulanan}}{24}$
 - (e) $\frac{\text{Kadar gaji bulanan}}{22}$
6. Mengikut Akta Pekerjaan 1955, notis penamatan kerja yang minimum bagi pekerja kurang dari 2 tahun perkhidmatan ialah:
- (a) 12 minggu.
 - (b) 8 minggu.
 - (c) 6 minggu.
 - (d) 4 minggu.
 - (e) 2 minggu.

...3/-

- 3 -

7. Semua pernyataan di bawah ini adalah seperti yang diperuntukkan dalam Akta Kesatuan Sekerja 1959 KECUALI:
- (a) semua Kesatuan Sekerja mesti didaftarkan dengan Jabatan Pendaftaran Kesatuan Sekerja.
 - (b) semua Kesatuan Sekerja mesti mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh.
 - (c) Kesatuan Sekerja jenis "umum" tidak dibenarkan.
 - (d) Kesatuan Sekerja pekerja mesti berbeza daripada Kesatuan Sekerja Majikan.
 - (e) Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja mempunyai hak untuk menolak mana-mana permohonan pendaftaran yang dianggap "tidak layak".
8. Mana-mana Kesatuan Sekerja yang tidak berpuashati dengan keputusan Ketua pengarah Kesatuan Sekerja bersabit dengan pendaftaran Kesatuannya boleh merayu kepada:
- (a) Mahkamah Tinggi.
 - (b) Mahkamah Perusahaan.
 - (c) Mahkamah Rayuan.
 - (d) Menteri Sumber Manusia.
 - (e) Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia.
9. Fungsi utama Akta Kesatuan Sekerja 1959 ialah untuk:
- (a) menolak kemungkinan pekerja menubuh kesatuan.
 - (b) memastikan kewujudan Kesatuan Sekerja adalah secara berdaftar dan sah di sisi undang-undang.
 - (c) menolak pendaftaran Kesatuan Sekerja.
 - (d) merujuk permohonan pendaftaran Kesatuan Sekerja kepada Menteri Sumber Manusia.
 - (e) merujuk permohonan pendaftaran kepada Mahkamah Perusahaan.
10. Suatu institusi kehakiman yang wujud selepas penguatkuasaan Akta Perhubungan Industri 1967 ialah:
- (a) Mahkamah Juvana.
 - (b) Mahkamah Rendah.
 - (c) Mahkamah Perusahaan.
 - (d) Mahkamah Tinggi.
 - (e) Mahkamah Rayuan.

...4/-

11. Fungsi utama Akta Perhubungan Industri 1967 ialah untuk:
- (a) melindungi hak-hak Kesatuan Sekerja supaya kepentingan mereka terjaga.
 - (b) menyediakan suatu mekanisme untuk mencegah dan menyelesaikan pertikaian industri.
 - (c) memastikan kepentingan majikan diutamakan.
 - (d) mengamal segala kegiatan para pekerja.
 - (e) mengawal kadar kenaikan inflasi.
12. Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) ditubuhkan di bawah:
- (a) Akta Kebajikan Pekerja 1969.
 - (b) Akta Perhubungan Industri 1967.
 - (c) Akta Kesatuan Sekerja 1959.
 - (d) Akta Pertubuhan 1966.
 - (e) Akta Dadah Merbahaya 1988.
13. Mahkamah Perusahaan diketuai oleh seorang:
- (a) rektor.
 - (b) presiden.
 - (c) hakim.
 - (d) pengarah.
 - (e) ketua setiausaha.
14. Siapakah yang melantik Ketua Mahkamah Perusahaan:
- (a) Yang Di Pertuan Agong.
 - (b) Perdana Menteri.
 - (c) Menteri Sumber Manusia.
 - (d) Menteri Kehakiman.
 - (e) Menteri Pertanian.
15. Mahkamah Perusahaan menyediakan suatu mekanisme penyelesaian pertikaian industri melalui proses _____
- (a) perundingan.
 - (b) perdamaian.
 - (c) orang tengah.
 - (d) arbitrase.
 - (e) perjanjian.

- 5 -

16. Perkhidmatan seorang peguam hanya boleh digunakan dalam Mahkamah Perusahaan jika sesuatu pihak itu mendapat kebenaran:
- (a) Perdana Menteri.
 - (b) Yang Di Pertuan Agong.
 - (c) Presiden Mahkamah Perusahaan.
 - (d) Hakim Besar Malaysia.
 - (e) Hakim Mahkamah Tinggi.
17. Suatu kes klasik dalam sejarah pertikaian industri di Malaysia yang pernah menggunakan cara "orang tengah" ialah pertikaian:
- (a) Pekerja Bukan Logam vs South East Asia Fire Bricks Sdn. Bhd.
 - (b) Kesatuan Perlombongan Malaysia vs Syarikat Wong Han.
 - (c) Kesatuan Pekerja Pengangkutan vs Syarikat Pengangkutan Sri Jaya.
 - (d) Kesatuan Pekerja Pengangkutan vs Keretapi Tanah Melayu.
 - (e) Kesatuan Pekerja Bank vs Persatuan Bank Perdagangan Malaysia Kebangsaan.
18. Permogokan pekerja-pekerja Sistem Penerbangan Malaysia berlaku pada tahun _____
- (a) 1975.
 - (b) 1977.
 - (c) 1979.
 - (d) 1981.
 - (e) 1990.
19. Dalam kes tersebut Pendaftar Kesatuan Sekerja telah:
- (a) mencadangkan supaya Kesatuan Airline Employees Union (AEU) didaftar semula.
 - (b) menahan beberapa orang pegawai Kesatuan AEU.
 - (c) membatalkan pendaftaran AEU.
 - (d) merujuk AEU kepada Kementerian Dalam Negeri.
 - (e) menolak semua tuntutan AEU.
20. Kes tersebut (Soalan 19) selesai pada:
- (a) 12 Mac, 1977.
 - (b) 15 April, 1979.
 - (c) 19 Mei, 1988.
 - (d) 16 Jun, 1981.
 - (e) 14 Sept, 1988.

[25 markah]

...6/-

BAHAGIAN B

Jawab TIGA soalan daripada lapan soalan di bawah.

Soalan 2

Apakah yang anda faham dengan istilah "perspektif teori" dan pendekatan-pendekatan terhadap perhubungan industri?

[25 markah]

Soalan 3

Apakah peranan "persekitaran" di dalam mempengaruhi undang-undang dan sistem perhubungan industri sesebuah negara?

[25 markah]

Soalan 4

Apakah "prerogatif pengurusan" mengikut kefahaman anda?

[25 markah]

Soalan 5

Apakah pendapat anda mengenai kebebasan berkesatuan dan hak majikan di dalam perundangan-perundangan perhubungan industri di Malaysia?

[25 markah]

Soalan 6

Mengapakah Akta Kesatuan Sekerja 1959 sering dikaitkan dengan kuasa-kuasa Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja dan Menteri Sumber Manusia?

[25 markah]

...7/-

- 7 -

Soalan 7

Apakah dia "pertikaian industri" dan proses-proses yang terlibat di dalam usaha untuk menyelesaikan pertikaian industri?

[25 markah]

Soalan 8

Perhubungan industri di Malaysia lebih bersifat "tripartite atau hubungan tiga hala di antara majikan, pekerja dan kerajaan".

Bincangkan pernyataan di atas di dalam dari segi prestasi dan kemungkinan kewujudan industri di Malaysia.

[25 markah]

Soalan 9

Sejauh manakah perkembangan undang-undang perhubungan industri Malaysia dipengaruhi oleh faktor sosial, politik dan ekonomi negara ini?

[25 markah]

- oooOooo -